

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimana Kementerian membantu sektor minyak sawit, khususnya di Sabah, untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang sangat ketara ketika ini yang disebabkan oleh sekatan perjalanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekatan perjalanan yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengekang penularan COVID-19 telah menyebabkan sektor perladangan mengalami masalah kekurangan tenaga kerja yang lebih ketara kerana sektor ini amat bergantung kepada pekerja asing. Bagi menangani masalah ini, kerajaan telah berusaha untuk menarik golongan belia dan pekerja tempatan termasuk dalam kalangan orang asli bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan oleh pekerja asing. Walau bagaimanapun, usaha ini dilihat tidak mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga tempatan.

Oleh yang demikian, pelbagai usaha lain termasuk beberapa siri libat urus antara kementerian yang berkaitan dengan penggiat industri telah diadakan bagi mengatasi masalah ini. Melalui sesi libat urus ini, Kementerian Perusahaan dan Perladangan Komoditi melalui kementerian lain yang berkaitan telah berusaha untuk membawa masuk semula pekerja asing ke Malaysia bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang dilihat semakin serius.

Kemasukan semula pekerja asing ini diharap akan dapat mengurangkan masalah kekurangan tenaga kerja yang telah menjejaskan operasi kerja-kerja di ladang sawit. Walau bagaimanapun, kerajaan menyedari bahawa untuk jangka masa panjang, pergantungan yang tinggi kepada pekerja asing akan menjejaskan sektor tersebut. Untuk itu, kerajaan telah meningkatkan promosi penggunaan jentera di samping pembangunan modal insan.

Penubuhan Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi (MARCOP) diharapkan akan dapat membantu meningkatkan penggunaan teknologi dan jentera di ladang sawit dan mengubah landskap sektor perladangan daripada berintensifkan buruh kepada berintensifkan modal.

Sekian, terima kasih.